

Kerajaan usaha keras kesan dalang 1MDB: PM

Kuala Lumpur: Ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low, sukar dijejaki kerana ketiadaan petunjuk dan terlalu banyak khabar angin mengenai lokasi persembunyiannya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan sedang berusaha keras mengesan Jho Low supaya

dalang yang dikaitkan dengan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) itu dapat diheret balik ke negara ini untuk tindakan undang-undang.

Biarpun menghadapi kekangan bagi memperoleh maklumat mengenai Jho Low, Dr Mahathir berkata, kerajaan juga tidak boleh mengambil tindakan terdesak

yang dikhuatiri boleh menggugat hubungan dua hala antara Malaysia dengan negara yang didakwa menjadi tempat perlindungan Jho Low.

“Kita sedang berusaha kuat untuk mengesan (Jho Low) dan memperoleh maklumat tetapi ia bu-



kan tugas yang mudah untuk mendapatkannya (maklumat). Saya diberitahu, dia (Jho Low) bawa beberapa pasport dan lakukan pengubahsuaian wajah.

“Semua itu adalah khabar angin. Saya tidak ada petunjuk. Mungkin ia (khabar angin) betul atau tidak, ia

sebenarnya membuatkan kerja mengesan (Jho Low) sesuatu yang sukar,” katanya kepada pemberita selepas hadir menerima Ijazah Kehormat Kedoktoran Seni Kreatif (Pembangunan Kesenian Kebudayaan) sempena Konvokesyen Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) Ke-15, di sini, semalam.